

Prasasti Perakam

Bahasa Melayu Bertulis

Oleh SUHAIMI MOHD SALLEH

Batu bersurat menjadi sumber utama pembuktian wujudnya bahasa Melayu dalam bentuk tulisan.

Banyak sarjana yang percaya bahawa bahasa Melayu bertulis telah wujud selewat-lewatnya pada abad ke-7 Masihi. Pendapat tersebut diutarakan dengan berdasarkan penemuan penggunaan bahasa itu pada batu bersurat yang dipercayai ditulis pada zaman itu. Batu bersurat atau prasasti yang dijumpai dapat menunjukkan bentuk bahasa Melayu terawal, mempunyai erti sejarah perkembangan bahasa Melayu, dan dapat menjelaskan bentuk tulisan dan perkataan yang digunakan. Pada masa itu, alam Melayu terletak di bawah pengaruh kerajaan Sriwijaya.

Bahasa Melayu yang paling awal pernah dirakamkan dikenali sebagai bahasa Melayu kuno atau disebut juga bahasa Melayu Proto. Kesusasteraan China pernah menyebutnya sebagai Kwun-Lun dan dikatakan pernah dipelajari oleh I-Tsing di Sriwijaya. Banyak batu bersurat yang ditemukan itu bertarikh pada abad ke-7. Batu bersurat tersebut dipercayai ditulis atas perintah raja atau penguasa negeri atau kawasan untuk dijadikan peringatan.

Batu bersurat Kedukan Bukit yang ditemukan pada tahun

1920 di kaki Bukit Seguntang, Palembang, bertarikh 605 tahun Saka, bersamaan dengan tahun 683 Masihi. Batu itu dianggap batu bersurat tertua yang menyebut nama Sriwijaya. Bahasa Melayu yang digunakan bercampur dengan bahasa Sanskrit. Tulisannya menggunakan huruf Palava, sejenis tulisan purba yang dikatakan berasal dari selatan India. Catatannya tentang kejayaan kerajaan itu meluaskan pengaruh politik. Oleh sebab itu, batu bersurat tersebut diukir untuk memperingati terdirinya kerajaan Sriwijaya. Dikatakan kotanya mungkin terletak di hilir Sungai Kampar atau Inderagiri.

Sebuah lagi batu bersurat yang mempunyai tarikh yang sama dan ditemukan di Palembang ialah Telaga Batu. Batu bersurat itu mengandungi 28 baris, dipercayai dibina oleh ketua tentera Jawa yang menyerang kerajaan Sriwijaya di Sumatera. kerana "Dato" pada catatannya, "Menyebelah pada Dato-dato", bermakna "Kepala Pemerintahan Melayu". Dengan menggunakan tulisan huruf Palava, prasasti itu menyatakan perihal undang-undang. Rakyat akan dilindungi, kecuali mereka yang melanggar undang-undang, manakala orang yang belot

atau bersubahat dengan musuh dan derhaka akan dihukum bunuh.

Batu bersurat Talang Tuwo pula bertarikh 606 tahun Saka atau 684 Masihi. Batu bersurat itu dijumpai pada tahun 1920 di kawasan Talang Tuwo, barat daya Bukit Siguntang, iaitu lapan kilometer dari Palembang. Batu itu menyatakan hal raja yang berjanji untuk melaksanakan kebaikan untuk kebahagiaan segala makhluk, selain doa agar usaha pertanian rakyat mendapat hasil yang banyak. Daripada batu bersurat itu, dapat kesian kegiatan pemerintahan dan rakyat (hamba sahaya), peranan raja, dan rakyatnya telah pandai berhuma, berternak dan mengembara, yang menunjukkan kewujudan masyarakat yang bertamadun.

Dengan huruf Palava yang digunakan, beberapa perkataan Melayu kuno yang kesian ialah *wulan* (bulan), *tatkala* (tatkalanya), *sawanakna* (sebanyaknya), *nitanam* (ditanam), *niyur* (nyiur), *hanau* (enau), *rumwia* (rumbia), *dgan* (dengan), *nimakan* (dimakan), *wuahna* (buahnya), *tathapi* (tetapi), *haur* (aur), *wuluh* (buluh), *tlaga* (telaga), *tmu* (temu), *sukha* (suka), *mengghidupi* (menghidupi), *prakara* (perkara), *warang* (barang) dan *marwangun* (membangun).

Prasasti Kota Kapur ditemukan di barat Pulau Bangka pada tahun 1892. Batu itu yang bertarikh

608 tahun Saka atau 686 Masihi menggunakan banyak perkataan Melayu. Antaranya, abai, aku, batu, banyak, benua, beri, buat, bulan, bunuh, datu, dengan, di dalam, dosanya, durhaka, gelar, hamba, jahat, jangan, kait, kasihan, kedatuan, kita, lawan, maka, mati, merdeka, mula, tetapi, uba, ujar, ulang, ulu dan yang. Ada juga imbuhan ni-, di-, mar-, par-, ka-, -i dan -an. Kandungannya tentang seruan dewa dan makhluk bertaraf tinggi yang melindungi kedaulatan Sriwijaya agar memberikan kebahagiaan kepada mereka yang mengabdikan diri dan mengutuk mereka yang tidak setia akan negara.

Selain itu, batu bersurat Karang Brahi ditemukan di hulu Sungai Jambi. Maklumat tentang prasasti bertarikh 614 tahun Saka atau 692 Masihi itu tidak banyak diketahui dengan pasti.

Sebuah lagi prasasti yang popular dalam kajian bahasa Melayu kuno ialah batu bersurat Gandasuli. Batu yang bertarikh 832 Masihi itu dianggap unik kerana ditemukan di Jawa Tengah, tempat menggunakan huruf Nagiri, bentuk tulisan yang dipercayai berasal dari utara India. Dipercayai bahawa batu itu didirikan oleh kerajaan Saleindra, sebuah kerajaan Buddha di Jawa, untuk menandakan berakhirnya raja keturunan kerajaan itu.

Zaman bahasa Melayu kuno diyakini berakhir selewat-lewatnya pada akhir abad ke-14. Andaian tersebut dibuat berdasarkan penemuan beberapa buah batu bersurat yang mempunyai pengaruh bahasa Arab bertarikh abad ke-13 dan abad ke-14, yang menunjukkan wujudnya zaman peralihan dari zaman bahasa Melayu kuno ke zaman bahasa Melayu yang lebih maju. Hal itu terbukti dengan wujudnya batu nisan bertarikh 1297 Masihi di makam Sultan Malik al-



Batu bersurat merakamkan sejarah perkembangan bahasa Melayu.

Saleh, sultan Pasai dan Semudra, yang ditulis dengan bahasa Arab sepenuhnya.

Kemudian ditemukan batu bersurat Pagar Ruyung di Minangkabau yang bertarikh 1356 Masihi. Prasasti itu didapati bertulis dengan huruf India, dengan sedikit prosa Melayu dalam beberapa buah sajak Sanskrit. Kandungannya tentang perintah raja yang menunjukkan bahasa Melayu menjadi kegunaan rasmi.

Demikian juga dengan batu nisan Minye Tujoh yang ditemukan di Aceh yang bertarikh 1380 Masihi. Prasasti itu masih bertulis dengan huruf India atau Sanskrit, tetapi sudah menggunakan banyak perkataan Arab. Kandungannya terdiri daripada warta dan doa yang dikarang dalam bentuk sajak Sanskrit, yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah berfungsi sebagai bahasa sastera (puisi) yang halus dan baik pada zaman itu.

Bahasa Melayu yang lebih maju daripada bahasa Melayu kuno disebut bahasa Melayu klasik. Kewujudan itu ditandai oleh pengukiran batu bersurat Sungai Teresat yang ditemukan di Kuala Berang, Terengganu,

pada tahun 1899. Pada batu itu, terdapat catatan "Jumaat 4 Rejab", yang diyakini bersamaan dengan 22 Februari 1303. Huruf Jawi tua yang disebut Kufi yang diukir pada batu itu menunjukkan permulaan wujudnya tulisan bagi bahasa Melayu. Kandungannya tentang sepuluh undang-undang Islam dan dendanya, yang ditulis dalam sembilan bahagian. Kata pendahuluannya mengandungi perintah atau perisytiharan supaya raja dan orang besar yakin dan berpegang teguh pada ajaran Islam dan Rasulullah. Oleh sebab itu, batu bersurat Terengganu itu dianggap telah merakamkan penggunaan tulisan Jawi dan bahasa Melayu yang mantap, selain menyatakan hal kedatangan orang Arab dan penyebaran agama Islam di Nusantara.

Selain batu bersurat Terengganu itu, terdapat juga batu bersurat Hujung Tanjung yang ditemukan di Brunei. Batu yang bertarikh 1418 Masihi itu bertulis dengan aksara Jawi dan Sanskrit. Bahagian bertulis Jawi menceritakan kewafatan Sulaiman bin Abdul Rahman bin Abdullah Nurullah pada tahun 821 Hijrah atau 1418 Masihi. Batu nisan Sungai Udang di Negeri Sembilan yang bertarikh 1467–1468 Masihi juga bertuliskan Jawi, menceritakan kematian Ahmad Majnun, isteri dan anak lelakinya ketika dalam perjuangan.

Batu bersurat menjadi sumber utama pembuktian wujudnya bahasa Melayu dalam bentuk tulisan. Batu bersurat dianggap perakam awal bahasa Melayu bertulis kerana sumber lain yang menggunakan bahasa itu, seperti kamus, kitab agama, buku sastera dan surat raja Melayu, hanya wujud pada zaman kedatangan bangsa Eropah ke Nusantara, lebih kurang pada abad ke-16. **PB**